

ENAKMEN PENGAWALAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM (MELAKA) 2002

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PENDAFTAR, TIMBALAN PENDAFTAR, DLL.

3. Pelantikan Pendaftar, dll.
4. Kuasa, fungsi dan kewajipan Pendaftar.

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN SEKOLAH AGAMA

5. Pendaftaran sekolah agama.
6. Permohonan untuk menubuhkan sekolah agama.
7. Pendaftaran.
8. Pembatalan pendaftaran.
9. Rayuan.
10. Larangan tentang pengiklanan, dsb.
11. Larangan menukar alamat premis sekolah agama.

BAHAGIAN IV

JEMAAH PENGURUSAN

12. Surat cara pengurusan, penubuhan Jemaah dan keanggotaannya.
13. Kelayakan anggota Jemaah.

Seksyen

14. Kewajipan Jemaah.
15. Kuasa Jemaah.
16. Kumpulan wang.
17. Laporan-laporan.
18. Jemaah hendaklah mematuhi kurikulum yang dibuat oleh Majlis.

BAHAGIAN V

NAZIR SEKOLAH AGAMA ISLAM

19. Pelantikan Nazir Sekolah.
20. Majlis boleh memberi kuasa kepada mana-mana orang untuk menjalankan kuasa, dsb. Nazir Sekolah.
21. Kewajipan untuk membantu Nazir Sekolah.

BAHAGIAN VI

PEMERIKSAAN SEKOLAH AGAMA OLEH PENDAFTAR, DLL.

22. Pemeriksaan hendaklah dibuat oleh Pendaftar, dll.
23. Kuasa Pendaftar, dll. semasa memeriksa.
24. Pemeriksaan premis sekolah agama yang tidak berdaftar.
25. Kuasa untuk menutup sekolah agama yang tidak berdaftar.
26. Kuasa untuk menyiasat.
27. Kuasa untuk masuk tanpa waran.

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

28. Lembaga Penasihat hendaklah memberi bantuan.
29. Kuasa untuk mengecualikan.
30. Halangan.
31. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.
32. Penalti am.
33. Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan.
34. Permulaan pendakwaan.

Seksyen

35. Pelindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang.
36. Pegawai-pegawai disifatkan sebagai pekhidmat-pekhidmat awam.
37. Penyampaian notis.
38. Peraturan-peraturan.
39. Pemansuhan.

MELAKA

ENAKMEN No. 3 tahun 2002

SAYA PERKENANKAN,

(MOHOR
NEGERI,
Negeri
Melaka)TUN DATUK SERI UTAMA
SYED AHMAD AL-HAJ BIN
SYED MAHMUD SHAHABUDIN,
*Yang di-Pertua Negeri,
Negeri Melaka*

25 Jun 2002

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalan sekolah-sekolah agama Islam di Negeri Melaka dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

ADALAH DENGAN INI DIKANUNKAN oleh Pihak Berkuasa Perundangan Negeri Melaka seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Melaka) 2002.

Tajuk
ringkas
dan
permulaan
kuat kuasa.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“ditetapkan” ertinya ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini;

“Enakmen ini” termasuklah apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini;

“Jabatan” ertinya Jabatan Agama Islam Melaka;

“Jemaah” ertinya Jemaah Pengurusan Sekolah Agama Islam yang ditubuhkan di bawah seksyen 12;

“Kerajaan Negeri” ertinya Kerajaan Negeri Melaka;

“kurikulum” ertinya kurikulum yang ditetapkan;

“Lembaga Penasihat” ertinya badan yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja yang dikenali dengan nama “Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam”;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam Melaka yang ditubuhkan di bawah seksyen 4 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991 [*Enakmen No. 5 Tahun 1991*];

“Nazir Sekolah” ertinya Nazir Sekolah Agama Islam yang dilantik di bawah seksyen 19;

“orang yang diberi kuasa” ertinya mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis di bawah seksyen 20 untuk menjalankan kuasa dan melaksanakan fungsi dan kewajipan Nazir Sekolah;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar yang dilantik di bawah seksyen 3;

“Pengarah” ertinya Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka;

“Penolong Pendaftar” ertinya Penolong Pendaftar yang dilantik di bawah seksyen 3;

“Pihak Berkuasa Negeri” ertinya Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka;

“sekolah agama” ertinya mana-mana sekolah agama Islam di dalam Negeri Melaka dan termasuklah masjid, madrasah, surau, pusat Islam, balai Islam, pondok dan tadika Islam di mana sepuluh orang atau lebih didaftarkan untuk mempelajari atau akan diajari apa-apa mata pelajaran yang termasuklah mata pelajaran yang berhubungan dengan agama Islam, tetapi tidak termasuk mana-mana sekolah agama Islam yang ditubuhkan oleh atau di bawah kawalan sepenuhnya Kementerian Pendidikan;

“surat cara pengurusan” ertinya surat cara pengurusan sesuatu sekolah agama Islam sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 12;

“Timbalan Pendaftar” ertinya Timbalan Pendaftar yang dilantik di bawah seksyen 3.

BAHAGIAN II

PENDAFTAR, TIMBALAN PENDAFTAR, DLL.

3. Majlis boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, melantik— Pelantikan Pendaftar, dll.

(a) seorang Pendaftar Sekolah Agama Islam; dan

(b) apa-apa bilangan Timbalan dan Penolong Pendaftar Sekolah Agama Islam dan pegawai lain sebagaimana yang diperlukan bagi maksud Enakmen ini.

4. (1) Pendaftar hendaklah, tertakluk kepada arahan dan kawalan Pengarah, melaksanakan fungsi dan kewajipan yang dikenakan ke atasnya dan menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Enakmen ini yang hendaklah termasuk yang berikut: Kuasa, fungsi dan kewajipan Pendaftar.

(a) bagi memastikan bahawa semua sekolah agama dalam Negeri Melaka ditadbirkan dengan sepatutnya;

- (b) bagi memastikan bahawa Majlis diberitahu tentang hal ehwal semua sekolah agama dalam Negeri Melaka pada setiap masa;
- (c) untuk menyimpan atau menyebabkan disimpan suatu daftar mengenai semua sekolah agama yang didaftarkan di bawah Enakmen ini dan hendaklah direkodkan ke dalam daftar itu butir-butir mengenai semua sekolah agama termasuk—
 - (i) nama dan alamat sekolah;
 - (ii) anggota-anggota Jemaah;
 - (iii) kurikulum untuk sekolah; dan
 - (iv) apa-apa maklumat lain yang difikirkan oleh Pendaftar perlu direkodkan.

(2) Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar yang dilantik di bawah seksyen 3 adalah di bawah arahan dan kawalan Pendaftar.

(3) Pendaftar boleh mewakilkan kepada Timbalan Pendaftar mana-mana kuasa, fungsi atau kewajipannya di bawah Enakmen ini, dan apabila diwakilkan sedemikian kuasa, fungsi atau kewajipan itu hendaklah dijalankan atau dilaksanakan oleh Timbalan Pendaftar di bawah kawalan dan tertakluk kepada apa-apa arahan dan sekatan yang ditentukan oleh Pendaftar.

(4) Sesuatu perwakilan di bawah subseksyen (3) boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Pendaftar dan tidaklah menghalang Pendaftar daripada menjalankan sendiri kuasa, fungsi atau kewajipan yang diwakilkan itu.

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN SEKOLAH AGAMA

Pendaftaran
sekolah
agama.

5. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiada orang atau kumpulan orang boleh menubuhkan atau menyenggarakan sesuatu sekolah agama melainkan jika sekolah agama itu didaftarkan mengikut peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

(2) Semua sekolah agama yang ditubuhkan atau disenggarakan sebelum Enakmen ini mula berkuat kuasa hendaklah didaftarkan mengikut peruntukan-peruntukan Enakmen ini dalam masa enam bulan selepas Enakmen ini mula berkuat kuasa atau dalam apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh didenda selanjutnya tidak melebihi tiga ratus ringgit bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan.

6. (1) Mana-mana orang yang hendak menubuhkan atau menyenggarakan sesuatu sekolah agama hendaklah memohon secara bertulis kepada Pendaftar untuk mendaftarkan sekolah agama itu mengikut apa-apa bentuk, yang hendaklah juga disertakan dengan surat cara pengurusan yang dicadangkan kecuali bagi sekolah agama yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri, sebagaimana yang ditetapkan.

Permohonan untuk menubuhkan sekolah agama.

(2) Pada bila-bila masa selepas menerima permohonan di bawah subseksyen (1) dan sebelum permohonan itu ditentukan, Pendaftar boleh, dengan notis bertulis, menghendaki pemohon memberikan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pendaftar.

(3) Jika apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (2) tidak diberikan oleh pemohon dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu atau apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh Pendaftar, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak boleh diteruskan, tetapi tanpa menjejaskan permohonan baru yang dibuat oleh pemohon.

(4) Sesuatu permohonan di bawah seksyen ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum permohonan itu diluluskan atau ditolak.

Pendaftaran.

7. (1) Apabila diterima permohonan berserta dengan dokumen dan maklumat yang dikehendaki di bawah seksyen 6, jika ada, Pendaftar hendaklah, selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, menimbang permohonan itu sama ada hendak meluluskan atau menolak permohonan itu.

(2) Dalam memutuskan sama ada hendak memberikan kelulusan untuk mendaftarkan sesuatu sekolah agama atau tidak, Pendaftar hendaklah menimbangkan perkara yang berikut:

- (a) kesesuaian sekolah agama itu atau bangunannya atas alasan-alasan kesihatan dan keselamatan;
- (b) kesesuaian orang yang menganggotai Jemaah untuk menguruskan sekolah agama itu;
- (c) sumber kewangan untuk menyenggarakan sekolah agama itu;
- (d) keperluan mengadakan satu lagi sekolah agama di dalam kawasan di mana sekolah agama yang dicadangkan itu hendak dibuka; atau
- (e) apa-apa sebab lain yang pada pendapat Pendaftar perlu untuk suatu sekolah agama dibuka dengan jayanya.

(3) Pendaftar boleh enggan mendaftarkan sesuatu sekolah agama jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) sekolah agama itu tidak memenuhi piawaian kesihatan dan keselamatan yang ditetapkan;
- (b) sekolah agama itu digunakan atau mungkin digunakan bagi maksud yang memudaratkan kepentingan awam atau murid;
- (c) nama yang dengannya sekolah agama itu hendak didaftarkan adalah, pada pendapatnya, tidak sesuai;

- (d) kemudahan pendidikan agama yang sedia ada sudah mencukupi di dalam kawasan di mana sekolah agama itu dicadangkan dibuka;
- (e) suatu pernyataan yang palsu atau mengelirukan berkenaan dengan butir yang material telah dibuat dalam atau berkaitan dengan permohonan pendaftaran itu;
- (f) orang yang memohon untuk mendaftarkan sekolah agama itu tidak atau enggan mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan oleh Pendaftar di bawah Enakmen ini; atau
- (g) orang yang dilantik menjadi pengerusi Jemaah atau guru besar atau pengetua bukanlah seorang yang layak dan sesuai atau bertanggungjawab untuk bertindak sebagai pengerusi, guru besar atau pengetua, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Jika Pendaftar meluluskan sesuatu permohonan di bawah subseksyen (1), dia hendaklah dengan segera mendaftarkan sekolah agama dan surat cara pengurusan sekolah itu dan mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran kepada pengerusi Jemaah atau mana-mana orang lain yang bertanggungjawab tentang pengurusan sekolah agama itu.

(5) Pengerusi Jemaah atau mana-mana orang yang bertanggungjawab tentang pengurusan sekolah agama itu hendaklah menyebabkan suatu salinan perakuan pendaftaran itu dipamerkan di bahagian yang mudah dilihat di premis sekolah agama itu.

(6) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (5) melakukan suatu kesalahan.

(7) Pendaftar boleh mengenakan—

- (a) apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut sebelum pendaftaran; atau

(b) apa-apa arahan dari semasa ke semasa selepas pendaftaran.

(8) Jika Pendaftar menolak permohonan di bawah subseksyen (1), dia hendaklah dengan segera memberitahu pemohon secara bertulis mengenai penolakannya itu dengan menyatakan alasan penolakannya dalam notis itu.

Pembatalan
pendaftaran.

8. (1) Pendaftar boleh membatalkan pendaftaran sesuatu sekolah agama jika dia berpuas hati bahawa—

(a) Jemaah telah tidak mematuhi apa-apa obligasi yang dikenakan ke atasnya di bawah Enakmen ini; atau

(b) Jemaah telah melanggar mana-mana syarat pendaftaran itu atau mana-mana arahan yang dikeluarkan kepadanya oleh Pendaftar atau mana-mana peruntukan Enakmen ini, tanpa mengira hakikat bahawa tidak apa pendakwaan bagi kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu.

(2) Sebelum membatalkan sesuatu pendaftaran, Pendaftar hendaklah memberi Jemaah itu notis bertulis tentang niatnya untuk berbuat demikian dan menghendaki Jemaah itu membetulkan pelanggaran itu atau mematuhi syarat pendaftaran itu atau arahan yang dikeluarkan oleh Pendaftar dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pendaftar.

(3) Jika selepas habis tempoh yang disebut dalam subseksyen (2) Jemaah tidak membetulkan pelanggaran atau mematuhi syarat atau arahan sedemikian, maka Pendaftar boleh membatalkan pendaftaran sekolah agama itu melalui notis secara bertulis yang dialamatkan dan disampaikan kepada pengerusi Jemaah.

(4) Pendaftar boleh bertindak di bawah subseksyen (1) jika dia ada sebab untuk mempercayai bahawa sesuatu sekolah agama berdaftar tidak lagi wujud.

(5) Notis pembatalan pendaftaran yang disebut dalam subseksyen (3)—

- (a) hendaklah menyatakan alasan bagi pembatalan itu dan tarikh pembatalan itu hendaklah berkuat kuasa; dan
- (b) hendaklah mengandungi segala arahan yang bersifat sampingan, berbangkit, tambahan atau peralihan yang difikirkan oleh Pendaftar perlu, suaimanfaat atau patut diberikan.

(6) Mana-mana Jemaah yang sekolah agamanya telah dibatalkan pendaftarannya di bawah seksyen ini boleh memohon untuk mendaftarkan semula sekolah agama itu menurut peruntukan Enakmen ini.

(7) Dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pembatalan pendaftarannya, pengerusi Jemaah atau mana-mana orang yang bertanggungjawab tentang pengurusan sekolah agama itu hendaklah menyerahkan perakuan pendaftaran sekolah agama itu dan surat cara pengurusannya kepada Pendaftar.

9. Mana-mana Jemaah atau mana-mana orang yang terkilang dengan apa-apa keputusan Pendaftar yang dibuat di bawah seksyen 8 boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu, merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri yang keputusannya adalah muktamad. Rayuan.

10. (1) Tiada seorang pun boleh mempromosikan sesuatu sekolah agama sama ada melalui iklan, prospektus, risalah atau selainnya melainkan jika sekolah agama itu telah didaftarkan di bawah subseksyen 7(4). Larangan tentang pengiklanan, dsb.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Larangan menukar alamat premis sekolah agama.

11. (1) Tiada suatu sekolah agama pun boleh menukar alamat premisnya atau membuat apa-apa perubahan kepada premis itu tanpa terlebih dahulu mendapatkan kelulusan bertulis Pendaftar.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN IV

JEMAAH PENGURUSAN

Surat cara pengurusan, penubuhan Jemaah dan keanggotaannya.

12. (1) Tertakluk kepada peruntukan Enakmen ini, tiap-tiap sekolah agama hendaklah mempunyai suatu surat cara pengurusan.

(2) Tiap-tiap surat cara pengurusan hendaklah mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu Jemaah Pengurusan Sekolah Agama Islam, dengan seorang pengerusi, bagi pengurusan sekolah agama itu mengikut cara yang tidak tak konsisten dengan Enakmen ini.

(3) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi sekolah agama yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri yang hendaklah diuruskan dan disenggarakan mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Jabatan.

(4) Tiap-tiap Jemaah hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tujuh orang yang hendaklah memegang apa-apa jawatan yang perlu bagi mana-mana sekolah agama dan mempunyai apa-apa kuasa, fungsi dan kewajipan yang ditetapkan oleh surat cara pengurusan.

(5) Guru besar atau pengetua sesuatu sekolah agama hendaklah dilantik menjadi Setiausaha Jemaah.

(6) Tertakluk kepada peruntukan lain Enakmen ini dan khususnya peruntukan tentang pengecualian, tiap-tiap sekolah agama hendaklah diuruskan dan disenggarakan mengikut surat cara pengurusannya.

(7) Tiap-tiap surat cara pengurusan hendaklah dibuat, dipinda atau dibatalkan mengikut cara yang ditetapkan.

13. (1) Jika Pendaftar berpendapat bahawa mana-mana orang yang telah dicadangkan untuk menjadi anggota Jemaah itu bukanlah seorang yang layak dan sesuai, maka dia boleh menolak orang itu daripada menjadi anggota Jemaah.

Kelayakan
anggota
Jemaah.

(2) Jemaah hendaklah, atas penolakan sedemikian oleh Pendaftar di bawah subseksyen (1) , mencadangkan mana-mana orang lain untuk menggantikan orang itu menjadi anggota Jemaah dan sekiranya Jemaah itu tidak mengemukakan apa-apa cadangan, maka Pendaftar boleh melantik seseorang lain sebagaimana yang difikirkannya layak dan sesuai untuk menjadi anggota Jemaah itu.

(3) Jika Pendaftar berpendapat bahawa seseorang anggota Jemaah bukanlah seorang yang layak dan sesuai untuk menjadi anggota Jemaah, maka dia boleh mengarahkan Jemaah supaya memberhentikan anggota itu dan apabila menerima arahan itu, Jemaah hendaklah mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk memberhentikan anggota itu dan menggantikan tempatnya dengan seorang yang lain.

(4) Jika Jemaah tidak atau enggan mematuhi arahan Pendaftar di bawah subseksyen (3), maka Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa untuk memberhentikan anggota itu dan melantik mana-mana orang lain untuk menggantikan anggota itu.

(5) Mana-mana orang yang terhenti atau diberhentikan daripada menjadi anggota Jemaah hendaklah dengan segera menyerahkan segala harta, barang, dokumen dan benda lain kepunyaan sekolah agama itu kepada anggota-anggota Jemaah yang ada sekarang.

(6) Jika mana-mana orang yang telah terhenti atau diberhentikan daripada menjadi anggota Jemaah—

- (a) tidak atau enggan menyerahkan segala harta, barang, dokumen dan benda lain kepunyaan sekolah agama itu kepada Jemaah; atau
- (b) terus bertindak sebagai anggota,

maka dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan.

Kewajipan
Jemaah.

14. (1) Anggota-anggota Jemaah hendaklah bertanggungjawab atas pengurusan sekolah agama secara berasingan dan bersesama.

(2) Maka adalah menjadi kewajipan Jemaah—

- (a) untuk sentiasa menyenggarakan mengikut cara yang sepatutnya sekolah agama di bawah kawalannya;
- (b) untuk mematuhi arahan-arahan Pendaftar; dan
- (c) untuk menyenggarakan rekod yang sepatutnya mengenai—
 - (i) guru-guru dan kakitangan sekolah agama itu;
 - (ii) nama murid-murid, umur dan jantina mereka;
 - (iii) sumber kewangan sekolah agama itu;

- (iv) kurikulum sekolah agama itu; dan
- (v) apa-apa maklumat lain yang dikehendaki dari semasa ke semasa oleh Pendaftar.

(3) Jemaah boleh melantik, atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Jemaah, apa-apa bilangan guru, pegawai dan pekhidmat sebagaimana yang perlu bagi maksud sekolah agama itu dan Jemaah hendaklah mempunyai kuasa untuk menamatkan atau membatalkan pelantikan itu.

15. (1) Jemaah hendaklah menjadi pemegang amanah kepada sekolah agama dan hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang suaimanfaat atau semunasabahnya perlu atau bersampingan dengan perjalanan kuasa dan pelaksanaan fungsi dan kewajipannya.

Kuasa
Jemaah.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1), Jemaah hendaklah mempunyai kuasa yang berikut:

- (a) untuk memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan boleh memin-dahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik atau selainnya melupuskan atau menguruskan atau memajukan apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan dalamnya yang terletak hak pada Jemaah atas apa-apa terma yang difikirkannya patut;
- (b) untuk meminjam dari semasa ke semasa; dan
- (c) untuk membuat apa-apa perkiraan dengan Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan atau mana-mana pihak berkuasa yang mungkin berfaedah kepada fungsi atau kewajipan Jemaah atau mana-mana antaranya dan untuk mendapatkan daripada Kerajaan atau mana-mana

pihak berkuasa itu apa-apa hak, keistimewaan dan konsesi yang difikirkan oleh Jemaah mustahak didapatkan olehnya dan untuk melaksanakan, menjalankan dan mematuhi mana-mana perkiraan, hak, keistimewaan dan konsesi itu.

(3) Jemaah hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Majlis dalam menjalankan kuasa yang disebut dalam subseksyen (2).

Kumpulan
wang.

16. (1) Bagi maksud-maksud Enakmen ini, Jemaah hendaklah menubuhkan dan mentadbirkan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Akaun Sekolah Agama” yang ke dalamnya hendaklah dibayar—

- (a) apa-apa wang yang diterima secara sah oleh Jemaah;
- (b) wang yang didapati atau berbangkit daripada mana-mana harta, pelaburan, gadai janji, pajakan, debentur atau syer yang diperoleh oleh atau diletakhakkan pada Jemaah;
- (c) wang yang dikutip daripada yuran-yuran;
- (d) wang yang didermakan oleh orang ramai atau pemberian yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri atau pihak-pihak berkuasa tempatan dari semasa ke semasa;
- (e) wang yang dipinjam atau didapatkan oleh Jemaah di bawah Enakmen ini; dan
- (f) segala wang atau harta lain yang dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Jemaah berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan kuasa dan fungsinya.

(2) Kumpulan wang Jemaah hendaklah dibelanjakan bagi maksud yang berikut:

- (a) segala perbelanjaan, termasuk perbelanjaan modal, yang dilakukan secara sah oleh Jemaah dalam menjalankan kuasa dan melaksanakan fungsi dan kewajipannya di bawah Enakmen ini;

- (b) membayar balik wang yang dipinjam oleh Jemaah menurut kuasanya untuk meminjam; dan
- (c) apa-apa perbelanjaan lain yang dibenarkan oleh Jemaah.

(3) Jemaah boleh melaburkan kumpulan wangnya dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan oleh Majlis.

17. Jemaah hendaklah menyebabkan dibuat dan dikemukakan kepada Pendaftar semua laporan yang menyentuh aktiviti-aktiviti sekolah agama dan Akaun Sekolah Agama itu pada tiap-tiap tahun tidak lewat daripada 31 Mac pada tahun berikutnya.

Laporan-laporan.

18. (1) Tiap-tiap Jemaah hendaklah—

- (a) mematuhi kurikulum yang dibuat oleh Majlis atau apa-apa kurikulum yang diperakukan oleh Majlis;
- (b) menggunakan buku-buku teks yang diperakukan sedemikian oleh Majlis;
- (c) menjalankan apa-apa program berkenaan dengan latihan guru sebagaimana yang ditetapkan; dan
- (d) mengadakan apa-apa peperiksaan yang ditentukan oleh Majlis.

Jemaah hendaklah mematuhi kurikulum yang dibuat oleh Majlis.

(2) Mana-mana Jemaah yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh didenda selanjutnya tidak melebihi tiga ratus ringgit bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan.

BAHAGIAN V

NAZIR SEKOLAH AGAMA ISLAM

Pelantikan
Nazir
Sekolah.

19. (1) Majlis boleh melantik apa-apa bilangan Nazir Sekolah Agama Islam sebagaimana yang diperlukan bagi maksud Enakmen ini.

(2) Seseorang Nazir Sekolah hendaklah—

- (a) menjalankan dari semasa ke semasa pemeriksaan ke atas sekolah-sekolah agama tentang pengajaran kurikulum yang dibenarkan, penggunaan buku-buku teks, guru-guru yang diambil bekerja dan pematuhan wajar Enakmen ini atau arahan-arahan Pendaftar;
- (b) menjalankan penyiasatan ke atas mana-mana sekolah agama berhubung dengan apa-apa perkara yang dibenarkan oleh Pendaftar;
- (c) memeriksa Akaun Sekolah Agama;
- (d) melaporkan tentang apa-apa perkara luar aturan dan untuk membuat apa-apa cadangan yang perlu kepada Pendaftar; dan
- (e) melaksanakan apa-apa kewajipan yang diarahkan oleh Pendaftar dari semasa ke semasa.

(3) Semua Nazir Sekolah yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan Pendaftar.

Majlis boleh
memberi
kuasa kepada
mana-mana
orang untuk
menjalankan
kuasa, dsb.
Nazir
Sekolah.

20. (1) Majlis boleh memberi kuasa secara bertulis kepada mana-mana orang untuk menjalankan kuasa dan melaksanakan fungsi dan kewajipan seorang Nazir Sekolah dan orang yang dilantik sedemikian hendaklah mempunyai segala kuasa dan melaksanakan segala fungsi dan kewajipan seorang Nazir Sekolah.

(2) Mana-mana orang yang diberi kuasa di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan Pendaftar.

21. (1) Bilamana Nazir Sekolah atau mana-mana orang yang diberi kuasa menjalankan kuasanya di bawah seksyen 19, maka adalah menjadi kewajipan anggota Jemaah, guru-guru, pekerja dan pekhidmat sekolah agama—

Kewajipan untuk membantu Nazir Sekolah.

- (a) untuk memberi Nazir Sekolah atau mana-mana orang yang diberi kuasa semua kemudahan dan bantuan yang semunasabahnya dikehendaki oleh Nazir Sekolah atau orang yang diberi kuasa itu;
- (b) untuk memberi Nazir Sekolah atau orang yang diberi kuasa itu semua maklumat yang semunasabahnya dikehendaki olehnya berkenaan dengan sekolah agama itu; dan
- (c) untuk mengemukakan apa-apa buku, rekod, akaun atau dokumen yang ada dalam milikan atau jagaannya atau yang dia berkuasa untuk memberikannya sebagaimana yang semunasabahnya dikehendaki oleh Nazir Sekolah atau orang yang diberi kuasa itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN VI

PEMERIKSAAN SEKOLAH AGAMA OLEH PENDAFTAR, DLL.

22. Pendaftar, Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar boleh, dari semasa ke semasa, memeriksa mana-mana sekolah agama yang didaftarkan di bawah Enakmen ini telah dan sedang dipatuhi.

Pemeriksaan hendaklah dibuat oleh Pendaftar, dll.

Kuasa
Pendaftar, dll
semasa
memeriksa.

23. (1) Dalam menjalankan pemeriksaan menurut seksyen 22 dan 19, Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar, Nazir Sekolah atau mana-mana orang yang diberi kuasa boleh—

- (a) memasuki mana-mana premis dan memeriksa apa-apa buku, dokumen, bahan media elektronik atau barang lain yang difikirkannya perlu; dan
- (b) memindahkan atau menahan apa-apa buku, dokumen, bahan media elektronik atau barang lain yang didapatinya memudaratkan kepentingan awam atau murid atau yang, pada pendapatnya, boleh menjadi bukti pelakuan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini.

(2) Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar, Nazir Sekolah atau mana-mana orang yang diberi kuasa boleh, pada bila-bila masa ketika menjalankan dengan sah pemeriksaan ke atas sesuatu sekolah agama di bawah Enakmen ini, menghendaki mana-mana anggota Jemaah, pekerja, guru atau murid sekolah agama itu supaya mengemukakan untuk pemeriksaannya apa-apa buku, dokumen, bahan media elektronik atau barang lain yang berhubungan dengan pengurusan, atau pengajaran yang dijalankan di, sekolah agama itu yang ada dalam milikan orang itu atau yang di bawah kawalannya atau yang orang itu mempunyai kuasa untuk memberikannya.

Pemeriksaan
premis
sekolah
agama yang
tidak
berdaftar.

24. Jika Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar, Nazir Sekolah, orang yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana rumah, bangunan atau tempat lain sedang digunakan sebagai sekolah agama yang tidak berdaftar di bawah Enakmen ini, Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar, Nazir Sekolah,

orang yang diberi kuasa atau pegawai polis itu, dengan disertai oleh mana-mana orang yang difikirkannya perlu, boleh—

- (a) memasuki dan memeriksa rumah, bangunan atau tempat itu; dan
- (b) menyita dan menahan apa-apa buku, dokumen, bahan media elektronik atau barang lain yang terdapat di dalamnya yang didapatinya boleh menjadi bukti pelakuan suatu kesalahan terhadap Enakmen ini atau yang tampaknya ialah harta, atau telah digunakan berkaitan dengan, sekolah agama yang tidak didaftarkan di bawah Enakmen ini.

25. (1) Jika Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar, Nazir Sekolah, orang yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana rumah, bangunan atau tempat lain sedang digunakan sebagai sekolah agama yang tidak berdaftar di bawah Enakmen ini atau sedang digunakan dengan melanggar Enakmen ini atau mana-mana syarat yang dikenakan oleh Pendaftar di bawah Enakmen ini, maka Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar, Nazir Sekolah, orang yang diberi kuasa atau pegawai polis itu, dengan disertai oleh mana-mana orang yang difikirkannya perlu boleh, tanpa menjejaskan perjalanan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 22, 23, dan 24, dengan serta-merta mengambil apa-apa langkah yang difikirkannya perlu atau dengan apa-apa cara menutup sekolah agama itu.

Kuasa untuk menutup sekolah agama yang tidak berdaftar.

(2) Apa-apa tindakan yang diambil di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan mana-mana rumah, bangunan atau tempat lain tidaklah menghalang Pendaftar daripada mendakwa mana-mana orang yang menggunakan rumah, bangunan atau tempat itu sebagai sekolah agama yang tidak berdaftar di bawah Enakmen ini.

Kuasa untuk menyiasat.

26. (1) Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar, Nazir Sekolah, orang yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini.

(2) Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar, Nazir Sekolah, orang yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh, berhubung dengan apa-apa penyiasatan berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, menjalankan kuasa khas berhubung dengan penyiasatan polis kecuali bahawa kuasa menangkap tanpa waran yang diberikan oleh Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] dalam mana-mana kesalahan boleh tangkap tidak boleh dijalankan oleh Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar, Nazir Sekolah atau orang yang diberi kuasa.

Kuasa untuk masuk tanpa waran.

27. Tanpa menjejaskan seksyen 26, jika Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar, Nazir Sekolah, orang yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor mempunyai alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa tujuan apa-apa penggeledahan yang hendak dilakukan di mana-mana premis bagi maksud Enakmen ini mungkin terkecewa oleh sebab apa-apa kelengahan dalam mendapatkan waran geledah di bawah Kanun Tatacara Jenayah, dia boleh, tanpa waran, memasuki premis itu bagi maksud sedemikian dengan menggunakan hanya apa-apa kekerasan yang perlu sahaja supaya dia dapat masuk.

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

Lembaga Penasihat hendaklah memberi bantuan.

28. Lembaga Penasihat hendaklah membantu Majlis dalam segala perkara yang perlu bagi menjalankan dengan sepatutnya sekolah-sekolah agama termasuk memberi apa-

apa nasihat teknikal atau perkara-perkara yang berhubungan dengan penggunaan buku-buku teks, kurikulum agama, peperiksaan, pengambilan kerja guru-guru dan latihan guru-guru.

29. Majlis boleh, jika difikirkannya wajar dan demi kepentingan sesuatu sekolah agama atau demi kepentingan murid atau awam, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan sekolah agama itu daripada semua atau mana-mana peruntukan Enakmen ini, kecuali peruntukan tentang pendaftaran, sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan, dan boleh pada bila-bila masa menurut budi bicaranya membatalkan pengecualian itu atau mengubah atau menambah syarat-syarat itu.

Kuasa untuk mengecualikan.

30. Mana-mana orang yang—

Halangan.

- (a) menghalang Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar, Nazir Sekolah, mana-mana orang yang diberi kuasa atau pegawai polis yang dengan sah menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah Enakmen ini;
- (b) apabila dikehendaki oleh Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar, Nazir Sekolah, orang yang diberi kuasa atau pegawai polis itu supaya mengemukakan apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen atau benda lain yang dia berkuasa atau sepatutnya berkuasa, dalam perjalanan biasa urusan, mengemukakannya, berlengah-lengah mengemukakannya kepada Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar, Nazir Sekolah, orang yang diberi kuasa atau pegawai polis itu;
- (c) apabila dikehendaki oleh Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar, Nazir Sekolah, orang yang diberi kuasa atau pegawai polis itu

supaya memberikan apa-apa maklumat enggan, meninggalkan daripada atau mengabaikan memberikan maklumat itu atau memberikan maklumat yang palsu atau yang mengelirukan; atau

- (d) menghalang penyitaan apa-apa buku, dokumen, bahan media elektronik atau barang lain di bawah seksyen 24, 26 atau 27, atau penutupan mana-mana sekolah agama di bawah seksyen 25,

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya.

Kesalahan
oleh
pertubuhan
perbadanan.

31. Jika suatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini—

- (a) mana-mana orang yang, pada masa kesalahan itu dilakukan, merupakan pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu, boleh didakwa secara berasingan atau bersesama dalam prosiding yang sama dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) tiap-tiap pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu yang, dalam apa-apa cara, melalui perbuatan atau peninggalan secara langsung atau tak langsung, terlibat dengan atau menjadi pihak dalam pelakuan kesalahan itu hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan atau pembiarannya atau bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah atau bahawa dia telah mengambil segala usaha yang wajar bagi mengelakkan kesalahan itu daripada berlaku.

32. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Penalti am.

33. Mahkamah Majistret Kelas Pertama hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini. Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan.

34. (1) Tiada pendakwaan bagi atau berhubung dengan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan kebenaran bertulis Pengarah. Permulaan pendakwaan.

(2) Pendaftar, Timbalan Pendaftar atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengarah boleh menjalankan apa-apa pendakwaan di bawah Enakmen ini.

35. Tindakan tidak boleh dibawa dan pendakwaan tidak boleh dibawa, dimulakan atau disenggarakan dalam mana-mana mahkamah terhadap Kerajaan Negeri, Lembaga Penasihat, Jabatan, Majlis, Pengarah, Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar, Nazir Sekolah, orang yang diberi kuasa, pegawai polis atau pekhidmat Kerajaan Negeri, Lembaga Penasihat, Jabatan atau Majlis bagi apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan di bawah Enakmen ini— Pelindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang.

(a) dengan suci hati;

(b) dengan kepercayaan yang munasabah bahawa apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan itu perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai dengannya; atau

(c) untuk melaksanakan peruntukan Enakmen ini.

Pegawai-
pegawai
disifatkan
sebagai
pekhidmat-
pekhidmat
awam.

36. Tiap-tiap orang yang dilantik, atau yang secara sah menjalankan kuasa seseorang yang dilantik di bawah Enakmen ini, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Penyampaian
notis.

37. (1) Tiap-tiap notis atau dokumen yang dikehendaki atau diberi kuasa untuk disampaikan di bawah Enakmen ini boleh disampaikan—

- (a) dengan menyerahkan salinannya kepada orang yang kepadanya notis atau dokumen itu hendak disampaikan;
- (b) dengan menghantar salinannya melalui pos berdaftar bayar dahulu kepada orang yang kepadanya notis atau dokumen itu hendak disampaikan; atau
- (c) dengan menampal salinannya di mana-mana tempat yang mudah dilihat di premis yang berhubungan dengannya.

(2) Jika sesuatu notis atau dokumen disampaikan melalui pos berdaftar bayar dahulu, notis atau dokumen itu hendaklah disifatkan telah disampaikan pada hari yang mengikuti hari notis atau dokumen itu sepatutnya telah diterima dalam perjalanan biasa pos jika notis atau dokumen itu dialamatkan—

- (a) dalam hal orang perseorangan, ke alamat biasa atau alamat terakhir yang diketahui bagi tempat tinggal atau tempat perniagaannya; atau
- (b) dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan, ke alamat tempat perniagaan berdaftarnya.

(3) Jika orang atau pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan yang kepadanya telah dialamatkan suatu surat berdaftar yang mengandungi apa-apa notis yang boleh diberikan di bawah peruntukan Enakmen ini diberitahu bahawa terdapat suatu surat berdaftar yang sedang menunggu untuk dipungut olehnya di pejabat pos, dan orang atau pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan itu enggan atau abai untuk mengambil surat

berdaftar itu, notis itu hendaklah disifatkan telah disampaikan kepadanya atau kepada pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan itu pada tarikh dia atau pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan itu diberitahu.

38. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Majlis, membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini. Peraturan-peraturan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan kuasa yang diberikan dalam subseksyen (1), Yang di-Pertuan Agong boleh membuat peraturan-peraturan bagi atau berkenaan dengan semua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) penerimaan masuk murid ke sekolah agama, penyimpanan daftar murid di sekolah agama, had umur dan syarat yang membolehkan murid dikekalkan belajar di sesuatu sekolah agama;
- (b) surat cara pengurusan sekolah dengan apa-apa pindaan atau ubahsuaian yang diperlukan supaya sesuai dengan mana-mana sekolah agama yang tertentu, dan cara bagaimana pindaan atau ubahsuaian dibuat kepada surat cara itu;
- (c) kurikulum bagi sekolah agama;
- (d) jenis dan standard buku-buku teks yang hendaklah digunakan di sekolah agama;
- (e) pengawalseliaan peperiksaan yang akan diadakan dan perakuan-perakuan yang akan dikeluarkan;
- (f) penubuhan, penyusunan, pengurusan, pengawalan dan pembubaran persatuan murid atau persatuan murid dan guru, atau persatuan guru dan ibu bapa sama ada di dalam atau di luar sekolah agama;
- (g) tatatertib di sekolah agama dan apa-apa kegiatan murid, sama ada di dalam atau di luar sekolah agama;
- (h) pengedaran oleh murid atau murid-murid, sama ada di dalam atau di luar sekolah agama, apa-apa majalah, risalah atau bahan bercetak atau bahan bertulis yang seumpamanya;

- (i) kelayakan dan latihan guru-guru untuk sekolah agama;
- (j) cara bagaimana kumpulan wang Jemaah boleh dibelanjakan dan cara dokumen, cek atau surat cara daripada apa-apa perihalan hendaklah ditandatangani atau dilaksanakan bagi pihak Jemaah;
- (k) kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah mana-mana peraturan;
- (l) borang yang hendaklah digunakan bagi maksud mana-mana peruntukan Enakmen ini; dan
- (m) apa-apa perkara lain yang perlu atau suaimanfaat bagi mentadbirkan dengan sepatutnya sekolah-sekolah agama.

Pemansuhan. **39.** (1) Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Melaka 1988 [*Enakmen No. 2 Tahun 1988*] dimansuhkan.

(2) Semua pelantikan, kaedah, pengecualian, arahan dan perintah yang dibuat, semua daftar yang disimpan dan semua perakuan atau sijil yang diberikan atau mempunyai kuat kuasa di bawah undang-undang atau perintah yang dimansuhkan oleh seksyen ini dan berkuat kuasa atau mempunyai kuat kuasa pada tarikh Enakmen ini mula berkuat kuasa hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa seolah-olah ia telah dibuat, disimpan atau diberikan di bawah Enakmen ini, sehingga diperuntukkan selainnya di bawah Enakmen ini.

Diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada 29 April 2002.
[JAIM/6/04/26; PUN(M)353/46/31]

MAKMUN BIN HJ. MD. SABARI,
Setiausaha,
Dewan Undangan Negeri,
Melaka

CONTROL OF ISLAMIC RELIGIOUS SCHOOLS (MALACCA) ENACTMENT 2002

ARRANGEMENT OF SECTIONS

PART I

PRELIMINARY

Section

1. Short title and commencement.
2. Interpretation.

PART II

REGISTRAR, DEPUTY REGISTRAR, *ETC.*

3. Appointment of Registrar, *etc.*
4. Power, function and duty of Registrar.

PART III

REGISTRATION OF RELIGIOUS SCHOOLS

5. Registration of religious schools.
6. Application to establish religious school.
7. Registration.
8. Revocation of registration.
9. Appeal.
10. Prohibition on advertisement, *etc.*
11. Prohibition on change of address of premise of religious school.

PART IV

BOARD OF MANAGEMENT

12. Instrument of management, establishment of Board and its membership.
13. Qualifications of members of Board.
14. Duties of Board.
15. Powers of Board.

Section

16. Fund.
17. Reports.
